



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWK M pada 13 September 2024.

**Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>Penjaga Pusat Jagaan Tak Mengaku Dera 4 Kanak-Kanak Guna Sudu Panas</b>  <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1133151/penjaga-pusat-jagaan-tak-mengaku-dera-4-kanak-kanak-guna-sudu-panas">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1133151/penjaga-pusat-jagaan-tak-mengaku-dera-4-kanak-kanak-guna-sudu-panas</a>  <a href="https://malaysiagazette.com/2024/09/12/remaja-perempuan-didakwa-tekap-sudu-besi-panas-pada-lengan-empat-kanak-kanak/">https://malaysiagazette.com/2024/09/12/remaja-perempuan-didakwa-tekap-sudu-besi-panas-pada-lengan-empat-kanak-kanak/</a>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/685226/berita/semasa-gadis-19-tahun-didakwa-tekap-sudu-besi-panas-pada-kanak-kanak-di-pusat-jagaan">https://www.sinarharian.com.my/article/685226/berita/semasa-gadis-19-tahun-didakwa-tekap-sudu-besi-panas-pada-kanak-kanak-di-pusat-jagaan</a>  <a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1297394/pembantu-pusat-jagaan-didakwa-tekap-sudu-panas-ke-lengan-empat-kanak">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1297394/pembantu-pusat-jagaan-didakwa-tekap-sudu-panas-ke-lengan-empat-kanak</a>  <a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2339658">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2339658</a>  <a href="https://selangorkini.my/2024/09/gadis-19-tahun-berdepan-empat-pertuduhan-dera-kanak-kanak-di-pusat-asuhan/">https://selangorkini.my/2024/09/gadis-19-tahun-berdepan-empat-pertuduhan-dera-kanak-kanak-di-pusat-asuhan/</a>  <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/wanita-didakwa-dera-aniaya-empat-kanak-kanak-perempuan/">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/wanita-didakwa-dera-aniaya-empat-kanak-kanak-perempuan/</a>	Harian Metro  Malaysia Gazette  Sinar Harian  Berita Harian  Bernama  Selangor Kini  Utusan	Neutral
2.	<b>“Abang Bas” Didakwa Lagi, Hantar Komen Jelik Menerusi TikTok</b>		Neutral

	<p><a href="https://suarasarawak.my/abang-bas-didakwa-lagi-hantar-komen-jelik-menerusi-tiktok/">https://suarasarawak.my/abang-bas-didakwa-lagi-hantar-komen-jelik-menerusi-tiktok/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2339587">https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2339587</a></p> <p><a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/09/1104787/bus-driver-viral-crush-video-faces-3-charges-family-shows-support">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/09/1104787/bus-driver-viral-crush-video-faces-3-charges-family-shows-support</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/09/1297344/komen-jelik-di-tiktok-abang-bas-kena-dakwa-lagi">https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2024/09/1297344/komen-jelik-di-tiktok-abang-bas-kena-dakwa-lagi</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/09/12/abang-bas-didakwa-lagi-kali-ini-guna-tiktok-hantar-komen-jelik/">https://malaysiagazette.com/2024/09/12/abang-bas-didakwa-lagi-kali-ini-guna-tiktok-hantar-komen-jelik/</a></p> <p><a href="https://themalaysianreserve.com/2024/09/12/school-bus-driver-charged-again-for-offensive-tiktok-comment/">https://themalaysianreserve.com/2024/09/12/school-bus-driver-charged-again-for-offensive-tiktok-comment/</a></p> <p><a href="https://selangorjournal.my/2024/09/school-bus-driver-charged-again-for-offensive-tiktok-comment/">https://selangorjournal.my/2024/09/school-bus-driver-charged-again-for-offensive-tiktok-comment/</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/685238/berita/semasa/sabar-din-kami-ada---keluarga-abang-bas">https://www.sinarharian.com.my/article/685238/berita/semasa/sabar-din-kami-ada---keluarga-abang-bas</a></p> <p><a href="https://ohmymedia.cc/abang-bas-dah-botak">https://ohmymedia.cc/abang-bas-dah-botak</a></p>	<p>Suara Sarawak</p> <p>Bernamea</p> <p>NST</p> <p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>The Malaysian Reserve</p> <p>Selangor Journal</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Oh Media</p>	
3.	<p><b>Monitor Children's Online Activity, Says A Criminologist</b></p> <p><a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1104833/monitor-childrens-online-activity-says-criminologist">https://www.nst.com.my/news/nation/2024/09/1104833/monitor-childrens-online-activity-says-criminologist</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/685233/berita/nasional/9-daripada-10-pesalah-seksual-adalah-individu-rapat-dengan-ibu-mangsa#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/685233/berita/nasional/9-daripada-10-pesalah-seksual-adalah-individu-rapat-dengan-ibu-mangsa#google_vignette</a></p>	<p>NST</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral
4.	<p><b>PPIM Gesa Lindungi Kanak-Kanak Mangsa Jenayah Seksual</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/685294/berita/nasional/ppim-gesa-lindungi-kanak-kanak-mangsa-jenayah-seksual">https://www.sinarharian.com.my/article/685294/berita/nasional/ppim-gesa-lindungi-kanak-kanak-mangsa-jenayah-seksual</a></p>	<p>Sinar Harian</p>	Neutral

	<a href="https://malaysiagazette.com/2024/09/12/kaburkan-wajah-kanak-kanak-mangsa-eksploitasi-di-media-sosial-ppim/#google_vignette">https://malaysiagazette.com/2024/09/12/kaburkan-wajah-kanak-kanak-mangsa-eksploitasi-di-media-sosial-ppim/#google_vignette</a>	Malaysia Gazette	
5.	<p><b>Isu GISB: Amalkan Sifar Toleransi Keganasan Kanak-Kanak</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/685375/berita/nasional/isu-gisb-amalkan-sifar-toleransi-keganasan-kanak-kanak">https://www.sinarharian.com.my/article/685375/berita/nasional/isu-gisb-amalkan-sifar-toleransi-keganasan-kanak-kanak</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/tiada-lagi-toleransi-melibatkan-keganasan-kanak-kanak-unicef/#google_vignette">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/tiada-lagi-toleransi-melibatkan-keganasan-kanak-kanak-unicef/#google_vignette</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p>	Neutral
6.	<p><b>Kanak-kanak tular dipegang bahu mungkin mangsa amang seksual</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/09/13/kanak-kanak-tular-dipegang-bahu-mungkin-mangsa-amang-seksual/">https://malaysiagazette.com/2024/09/13/kanak-kanak-tular-dipegang-bahu-mungkin-mangsa-amang-seksual/</a></p>	Malaysia Gazette	Neutral

## **PENJAGA PUSAT JAGAAN TAK MENGAKU DERA 4 KANAK-KANAK GUNA SUDU PANAS**

Seremban: Pembantu pusat jagaan kanak-kanak mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen, di sini, tadi, atas empat pertuduhan mendera empat kanak-kanak, bulan lalu.

Tertuduh, Puteri Nurin Amalina Ahmad Daud, 20, membuat pengakuan itu masing-masing di hadapan hakim Datin Surita Budin dan hakim Meor Sulaiman Ahmad Tarmizi selepas pertuduhan dibacakan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh menganiaya empat kanak-kanak perempuan berusia lima hingga enam tahun dengan cara menepak sudu besi panas di lengan mangsa sehingga menyebabkan kecederaan fizikal melecur.

Kesalahan dilakukan di pusat jagaan di Taman Merbok Ria, di sini, sekitar Ogos lalu.

Justeru, tertuduh melakukan kesalahan mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 31(1) akta yang sama.

Sabit kesalahan boleh dipenjara maksimum 20 tahun atau denda sehingga RM50,000 atau kedua-duanya.

Timbalan Pendakwa Raya Noraziha Asmuni dan Syamimi Farhana A Aziz masing-masing tidak menawarkan sebarang jaminan dengan alasan tertuduh mungkin mengulangi kesalahan sama dan mengambil kira keseriusan kesalahan dilakukan.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon jaminan rendah kerana tiada pendapatan tetap dengan hanya diberikan elaun sebanyak RM300 sebulan sebagai pembantu pusat jagaan.

Tertuduh juga memberitahu mahkamah dia mengalami sakit tulang belakang dan akan diikat jamin bapanya.

Surita membenarkan jaminan sebanyak RM40,000 bagi dua pertuduhan dengan syarat perlu melaporkan diri ke balai polis setiap bulan dan menyerahkan pasport kepada mahkamah selain tidak dibenarkan mengganggu mangsa.

Bagaimanapun, Meor Sulaiman tidak membenarkan jaminan diberikan.

Sebutan semula bagi laporan perubatan dan lantikan peguam pada 18 Oktober 2024.

Harian Metro menerusi [laporan eksklusif](#) Sabtu dan Ahad lalu melaporkan penghuni rumah kebajikan yang bernaung di bawah syarikat berkaitan produk Islam terkenal dikesan melakukan penderaan dengan membakar tangan, mencabut rumput sehingga penuh plastik dan salah laku seksual.

Malah, ada dalam kalangan mereka menjadi mangsa liwat dan lebih malang selepas diliwat mereka pula akan dipaksa meliwat rakan lain oleh penjaga.

Kegiatan penderaan fizikal itu dikatakan berlaku sejak lebih 10 tahun lalu membabitkan penghuni di rumah berkenaan terbongkar selepas seorang penjaga berusia 19 tahun ditahan pihak berkuasa pada 4 September di daerah ini.

Kegiatan penderaan fizikal itu dikatakan berlaku sejak lebih 10 tahun lalu membabitkan penghuni di rumah berkenaan terbongkar selepas seorang penjaga berusia 19 tahun ditahan pihak berkuasa Rabu lalu di Seremban, Negeri Sembilan.

Susulan pendedahan akhbar ini, ia turut mendapat perhatian Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri dilaporkan berkata, kementeriannya akan berkerjasama dengan pihak berkuasa untuk menyelamatkan kanak-kanak terancam dan perlukan perlindungan.



PENJAGA pusat jagaan kanak-kanak didakwa di Mahkamah Sesyen Seremban 2 pagi ini. FOTO Ahmad Hasbi.

## “ABANG BAS” DIDAKWA LAGI, HANTAR KOMEN JELIK MENERUSI TIKTOK

**BATU PAHAT:** Pemandu bas sekolah yang tular kerana merujuk kanak-kanak perempuan yang dibawanya sebagai *crush*, didakwa sekali lagi hari ini, kali ini di Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan menghantar komen jelik dalam video yang dimuat naik menerusi aplikasi TikTok minggu lepas.

Lelaki berusia 24 tahun itu mengaku tidak bersalah selepas pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Osman Affendi Mohd Shalleh.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa secara sedar membuat dan memulakan penghantaran satu komen yang jelik sifatnya iaitu satu video yang memperlihatkan seorang kanak-kanak berusia sembilan tahun dan kapsyen “Harini crush busy buat homework” diikuti emoji “Love” sambil memerhatikan kanak-kanak berkenaan pada 5 Sept lepas di Taman Budiman, Parit Raja di sini.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Akta 588) dan boleh dihukum di bawah Seksyen 233(3) akta sama iaitu denda tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya dan boleh didenda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari kesalahan itu diteruskan selepas pensabitan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Nurizzati Rozman manakala tertuduh diwakili peguam Umar Zulkarnain.

Hakim Osman Affendi membenarkan tertuduh diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin berserta syarat tambahan perlu melaporkan diri di balai polis berdekatan sebulan sekali dan tidak mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan.

Mahkamah juga membenarkan permohonan pihak pendakwaan untuk memindahkan kes ke Mahkamah Sesyen Muar kerana mempunyai dua kes yang dituduh di sana, selari dengan Seksyen 165 Kanun Tatacara Jenayah dan menetapkan 10 Oktober ini sebagai tarikh serahan dokumen dan sebutan semula kes.

Pada Selasa lepas, tertuduh didakwa di Mahkamah Sesyen Muar atas dua pertuduhan melakukan amang seksual terhadap dua kanak-kanak.

Dia didakwa mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 dan Seksyen 15(a)(iii) Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017.

Pada 5 Sept lepas, seorang pengguna media sosial X berkongsi tangkap layar hantaran TikTok milik seorang pemandu bas sekolah yang merujuk seorang murid perempuan sebagai *crush* dan "kesayangan".

Susulan itu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri mengarahkan pegawai Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) untuk membuat laporan polis terhadap pemandu bas berkenaan.

Pada 6 Sept, polis menahan pemandu bas itu yang masih bujang. – BERNAMA

### **MONITOR CHILDREN'S ONLINE ACTIVITY, SAYS A CRIMINOLOGIST**

KUALA LUMPUR: Parents and guardians should monitor their children's online activity and also not allow them to go on holiday alone or stay overnight at homes of those whom they don't trust, said a criminologist.

Datuk Seri Dr Akhbar Satar said this was because studies revealed that nine out of 10 sexual offenders, particularly paedophiles, were those close to the victim's mother.

He said preventing these crimes should not be the sole responsibility of the police but also the parents.

"Parents must put aside their discomfort about discussing children's sexual education.

"They should teach them to identify body parts and safe touches so they understand what are appropriate.

"They need to be alert and respond if an adult seems overly keen on befriending children.

"Check daycare centres regularly and do not allow children to walk alone, go on holiday or stay overnight with people whom they don't trust."

A school bus driver, 24, was recently caught recording videos of young girls, sparking an uproar.

Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri had instructed the Child Development Department to file a police report and expressed readiness to cooperate with the Sexual, Women, and Children's Crime Investigation Division in Johor to assist in the investigation.

The driver was arrested by Kluang police last Friday and remanded in custody for five days on two charges.

Akhbar reminded parents not to trust someone solely based on their title, status or position, as sexual offenders were often employed in environments full of children.

He said parental support and guidance from counsellors were crucial for victims of sexual harassment to recover.

"Experts say some parents of children who experience sexual abuse may also face mental health issues, which can contribute to mental health problems for future generations.

"In July, the Internet Watch Foundation and the United Nations Children's Fund identified that advancements in artificial intelligence (AI) are being exploited to produce child sexual abuse material via the dark web.

"Paedophiles are using AI to manipulate images of children, making them appear naked or involved in online sexual grooming.

"So law enforcement agencies, cybersecurity experts and ethical hackers must work to boost child safety and prevent sexual abuse and online exploitation."

## **PPIM GESA LINDUNGI KANAK-KANAK MANGSA JENAYAH SEKSUAL**

KUALA LUMPUR - Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) menggesa semua pihak untuk melindungi mangsa kanak-kanak khususnya yang dikaitkan dengan jenayah seksual.

Ketua Aktivisnya, Datuk Nadzim Johan berkata, ia kerana pihaknya melihat ramai pengguna di media sosial yang memuat naik dan berkongsi semula gambar dan video kanak-kanak yang dikatakan mangsa eksploitasi beberapa pihak.

"PPIM bimbang tindakan ini akan memberi ruang dan peluang kepada pihak yang melakukan jenayah untuk melarikan diri dari pendakwaan undang-undang.

"Kita faham rakyat amat terkesan dengan pendedahan terkini namun kita harus percaya pihak berkuasa termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sedang mengembeleng tenaga untuk menyelamatkan mangsa serta menyiasat perkara ini," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain pada Rabu mendedahkan PDRM berjaya menyelamatkan 402 kanak-kanak dan remaja berusia antara setahun hingga 17 tahun yang disyaki menjadi mangsa eksploitasi di 18 rumah amal di Selangor dan dua di Negeri Sembilan menerusi gerakan 'Op Global'.

Siasatan polis mendapati modus operandi yang dilakukan rumah amal dipercayai milik sebuah kumpulan perniagaan bermotif agama adalah kanak-kanak diajar dan



dididik cara meliwat, seterusnya mangsa diliwat oleh penjaga serta dipaksa untuk meliwat penghuni kanak-kanak yang lain.

Nadzim menegaskan, pihak berkuasa mengajak orang ramai melindungi kanak-kanak dengan mengaburkan wajah mangsa yang terlibat.

Katanya, pengguna media sosial sudah sedia maklum mengenai kuasa pengguna yang ada pada mereka kerana setelah mereka menularkan isu-isu yang penting, pihak berkuasa akan bertindak serta-merta.

"Semangat ini kita puji namun kena juga ada batasan dan tidak sehingga memfitnah, bagus untuk mengetengahkan masalah dan mendapat perhatian pihak berkuasa namun berhati-hati juga dengan gejala fitnah.

"Sebaiknya semua pihak diajak menyiasat dan membuat penilaian terdahulu sebelum menyebarkan maklumat agar tidak terpalit dengan tindakan saman dan sebaliknya," katanya.

Dalam pada itu, Nadzim memaklumkan, PPIM memuji tindakan pantas pihak berkuasa dalam menangani isu tular berkenaan dan berharap siasatan yang terperinci dapat dilaksanakan.

"Semoga undang-undang dapat ditegakkan dan mangsa mendapat pembelaan sewajarnya, tuduhan yang dilemparkan amat serius terutama dakwaan ada jenayah seksual terhadap kanak-kanak," katanya.